

# PM tak pernah pinggir kaum India

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak pernah meminggirkan masyarakat India di negara ini, malah meningkatkan lagi peruntukan kepada mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk R Ramanan memberi contoh dana tambahan seperti RM30 juta melalui Skim Pembiayaan Perkerjasama SPUMI (SPUMI Goes Big) dan Dana Khas Perkerjasama Wanita India (PENN) sebanyak RM50 juta daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Menjelaskan kedua-dua dana itu bakal memanfaatkan lebih 10,000 usahawan yang tidak akan dapat direalisasi tanpa mandat Perdana Menteri, beliau mengulangi gesaan supaya tohmahan kononnya Anwar meminggirkan kaum India sepanjang mentadbir negara dihentikan.

“Jika ada segelintir kata Perdana Menteri pinggirkan komuniti India, baik mereka pergi periksa mental. Ini semua dengki, sengaja mahu bangkitkan kemarahan komuniti India, hentikanlah,” katanya seperti dilaporkan *BERNAMA* selepas merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Pe-

ngusaha Restoran India Malaysia Berhad (KOPRIMAS), kelmarin.

Di Hulu Selangor, Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke berkata parti dalam Kerajaan Perpaduan melaksanakan kempen yang berusaha merapatkan jurang antara kaum, namun polarisasi kaum dalam tempoh berkempen PRK Kuala Kubu Bharu berpunca cara kempen pihak lawan.

“Kita tidak mahu polarisasi, sebaliknya kita mahu merapatkan hubungan antara kaum.

“Sebab itu, kempen kita berpaksikan kerjasama dengan semua pihak dan parti komponen dalam Kerajaan Perpaduan.

“Kita membawa tema perpaduan, kita mahu mengurangkan polarisasi berkenaan.

“Memang kita tahu hubungan antara kaum kadangkala dimainkan oleh parti dan orang politik, maka akan berlaku polarisasi kaum,” katanya kepada media semalam ketika mengulas sama ada berlaku isu polarisasi kaum ketika kempen PRK yang sedang berlangsung.

Loke yang juga Menteri Pengangkutan menegaskan Kerajaan Perpaduan berusaha meng-



Ramanan (kanan) pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Agung Koperasi Pengusaha Restoran India Malaysia Berhad di Kuala Lumpur.

(Foto BERNAMA)

elak kempen yang memberi tumpuan kepada satu kaum sahaja.

“Ketika berceramah dan berkempen, pemimpin Kerajaan Perpaduan yang hadir terdiri pelbagai kaum dan begitu juga dengan rakyat.

“Kita tidak berkempen untuk satu kaum, semua adalah pe-

ngundi, kita bincang isu bukan perkauman, langsung tidak bawa isu perkauman,” katanya.

Beliau menasihatkan semua parti dan calon gelak bincang isu menyentuh kaum, sebaliknya mengenai ekonomi termasuk peluang pekerjaan yang boleh disediakan untuk rakyat.